

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2016/2017**

NAMA KURSUS : BIODIVERSITI DAN ADAPTASI
KOD KURSUS : BBR 26403
KOD PROGRAM : BBR
TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2016 / JANUARI 2017
JANGKA MASA : 3 JAM
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

TERBUKA

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI TIGA (3) MUKASURAT

SULIT

- S1** Kehidupan alam haiwan bermula dalam laut Precambrian dengan berevolusinya makhluk-makhluk yang telah memakan organisma lain.
- (a) Senaraikan dua (2) jenis haiwan daripada order Monotremata. (2 markah)
- (b) Jelaskan sifat-sifat mamalia yang dominan. (6 markah)
- (c) Huraikan evolusi awal kelas mamalia. (12 markah)
- S2** Evolusi *Homo sapiens* telah bermula sejak 200,000 tahun yang lalu. Ini menunjukkan bahawa kehidupan awal telah wujud seawal 3.5 bilion tahun yang lalu.
- (a) Takrifkan paleoantropologi. (2 markah)
- (b) Jelaskan tiga (3) perbezaan ciri utama antara beruk dan hominin. (6 markah)
- (c) Huraikan evolusi *Australopithecus anamensis* dan kaitannya terhadap perkembangan kumpulan primat. (12 markah)
- S3** Kebanyakan mamalia adalah organisma daratan. Namun begitu terdapat beberapa spesies mamalia bukan kumpulan organisma daratan.
- (a) Senaraikan dua (2) spesies mamalia yang bukan organisma daratan. (2 markah)
- (b) Jelaskan secara ringkas peranan bulu bagi mamalia daratan. (2 markah)
- (c) Huraikan corak kehidupan Marsupial dan Eutherians bagi meneruskan kelangsungan hidup (16 markah)

TERBUKA

- S4** Primat telah dikenali sebagai penghuni-pokok dan ciri-ciri dominannya telah diadaptasikan dengan keperluan untuk tinggal di pokok.
- (a) Tentukan perkaitan antara kumpulan dalam order primat menggunakan pokok filogenetik. (8 markah)
- (b) Bincangkan evolusi yang terjadi sehingga wujudnya superkeluarga Monyet Dunia Lama dan Monyet Dunia Baru. (12 markah)
- S5** Fossil reptilia tertua telah ditemui di dalam batu dari Nova Scotia semasa akhir zaman Carboniferous kira-kira 310 juta tahun yang lalu. Penemuan ini membuktikan proses evolusi telah berlaku kepada kelas reptilia.
- (a) Terangkan kesan evolusi ke atas anatomi ular. (10 markah)
- (b) Bincangkan adaptasi penyu dengan persekitarannya. Cadangkan satu (1) kaedah untuk mengawal kadar kepupusan populasinya. (10 markah)

-SOALAN TAMAT-

TERBUKA